



PANDUAN ATURAN KERJA FLEKSIBEL

# WAKTU BEKERJA BERPERINGKAT

# Apakah Waktu Kerja Berperingkat?

Waktu Kerja Berperingkat ialah aturan waktu kerja anjal dengan memberikan kelonggaran waktu mula dan tamat bekerja dengan syarat waktu kerja standard harian selama lapan jam dipenuhi.

## Contoh Jadual Kerja bagi Waktu Kerja Berperingkat

JADUAL	ISNIN	SELASA	RABU	KHAMIS	JUMAAT
JAM SEMINGGU	40 JAM				
JAM ASAS	10 pagi - 4 petang				
PILIHAN WAKTU KERJA BERPERINGKAT	PILIHAN 1 8.30 pagi - 5.30 petang				
	PILIHAN 2 9.30 pagi - 6.30 petang				
	PILIHAN 3 10.30 pagi - 7.30 petang				
WAKTU BEKERJA	9.30 pagi - 6.30 petang	9.30 pagi - 6.30 petang	8.30 pagi - 5.30 petang	10.00 pagi - 7.00 petang	8.30 pagi - 5.30 petang
BILANGAN JAM	8	8	8	8	8

# Faktor-faktor keberkesanan Waktu Kerja Berperingkat



01

Jadual Waktu Kerja Berperingkat mesti mencapai keseimbangan antara keperluan perniagaan dengan keperluan pekerja.

02

Jangkaan yang jelas hendaklah ditetapkan pada masa mula/tamat dan bilangan jam bekerja setiap hari.

# Cabaran mendatang dan tindakan penyelesaian bagi pelaksanaan Waktu Kerja Berperingkat

Cabaran	Penerangan	Tindakan Penyelesaian
 <b>Kesukaran memantau waktu kerja</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>Kewujudan pelbagai penjadualan kerja Waktu Kerja Berperingkat dalam kalangan pekerja mungkin menimbulkan kesukaran dalam memantau masa mula dan tamat kerja pekerja.</li><li>Hal ini mungkin menyebabkan pekerja menyalahgunakan aturan ini dengan mengurangkan jam bekerja.</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>Membangunkan dan melaksanakan kaedah formal masa pengelogan bagi memudahkan kerjasama yang efektif antara pekerja dengan penyelia.</li></ul>

# Siapakah yang mendapat manfaat daripada pengaturan Waktu Kerja Berperingkat?

Majikan yang ingin memenuhi objektif perniagaan seperti yang berikut:



Menggalakkan integrasi kehidupan bekerja dengan menyediakan keanjalan waktu kepada pekerja untuk mengikuti jadual peribadi atau keluarga

Meningkatkan produktiviti dengan membolehkan pekerja bekerja dalam tempoh produktiviti optimum mereka

Pekerja yang memenuhi kriteria seperti yang berikut:



Pekerja sepenuh masa yang tugas mereka memerlukan penglibatan individu dalam zon waktu yang berbeza, atau tidak perlu hadir ke pejabat pada waktu tertentu dalam sehari



## ISI PENTING: Secara Hitam Putih

Majikan mempunyai pilihan untuk memasukkan jadual pengaturan kerja dalam kontrak pekerjaan yang menekankan perihal aturan kerja fleksibel yang ditawarkan oleh syarikat.

# Komponen-komponen utama dalam polisi



## Tujuan

Menggariskan objektif pelaksanaan Waktu Kerja Berperingkat selaras dengan objektif perniagaan dan keperluan pekerja.



## Kelayakan

Menentukan kumpulan sasaran yang layak memohon aturan Waktu Kerja Berperingkat dengan mempertimbangkan pelbagai faktor seperti jabatan, jenis kerja, penilaian prestasi semasa dan sebagainya.



## Jenis Aturan Kerja Fleksibel

Menjelaskan definisi Waktu Kerja Berperingkat, perbezaan jenis jadual kerja, waktu kerja standard setiap hari, dan keperluan waktu bekerja asas, jika perlu.



## Pengurusan Prestasi

Menjelaskan bahawa proses pengurusan prestasi kerja yang standard akan dilaksanakan untuk pekerja yang menggunakan Waktu Kerja Berperingkat.



## Pampasan dan Faedah

Menjelaskan bahawa gaji, pampasan dan faedah lain tidak akan terkesan.



## Kajian Semula Polisi

Menyatakan kekerapan polisi perlu dikaji semula oleh Unit Sumber Manusia (contohnya setiap suku tahun atau setiap tahun) dan polisi tersebut boleh dipinda atau dihentikan jika tidak memenuhi objektif perniagaan.

Di TalentCorp, kami membantu syarikat untuk memulakan pelaksanaan Aturan Kerja Fleksibel (FWA). Kami memberikan sokongan nasihat dan perkongsian amalan terbaik untuk membantu syarikat menguruskan cabaran-cabaran FWA dari segi organisasi dan sumber manusia. Kami sedia memberikan penyelesaian yang bersesuaian dengan keperluan perniagaan anda, sama ada untuk melaksanakan, mempertingkatkan atau mempromosikan FWA bagi syarikat anda.

## Ingin memulakan perjalanan FWA anda?

Hubungi kami melalui e-mel [flexworklife@talentcorp.com.my](mailto:flexworklife@talentcorp.com.my)  
atau layari laman sesawang kami di [www.talentcorp.com.my](http://www.talentcorp.com.my)



**TalentCorp**  
KUMPULAN SYARIKAT

Talent Corporation Malaysia Berhad (201001035653)

Level 6, Surian Tower, No. 1 Jalan PJU 7/3, Mutiara Damansara  
47810 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia

T +603 7839 7000

E [flexworklife@talentcorp.com.my](mailto:flexworklife@talentcorp.com.my) W [talentcorp.com.my](http://talentcorp.com.my)

TalentCorpMsia

TalentCorpMsia

TalentCorpMsia

Talent Corporation Malaysia Berhad

©2021 Talent Corporation Malaysia Berhad (201001035653). Hak cipta terpelihara.

Walaupun setiap usaha telah diambil untuk memastikan ketepatan maklumat yang terkandung dalam penerbitan ini, TalentCorp tidak menjamin dan tidak membuat pernyataan atau jaminan sama ada tersurat atau tersirat, terhadap kelengkapan, ketepatan, kebolehpercayaan atau kesesuaian maklumat atau grafik berkaitan yang terkandung dalam penerbitan ini untuk sebarang tujuan. Sebarang pergantungan pada maklumat yang diberikan adalah sepenuhnya atas risiko sendiri. TalentCorp, atau mana-mana pekerjanya, tidak bertanggungjawab ke atas keistimewaan, secara langsung atau tidak langsung, berpengaruh, atau kerosakan sampingan atau apa-apa kerosakan, sama ada dalam pelanggaran kontrak atau apa-apa salah laku, yang timbul daripada atau berkaitan dengan penggunaan maklumat dan kandungan penerbitan ini.